

SULIT
2611/2
Pendidikan
Seni
Visual
Mei
2016

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2016

PENDIDIKAN SENI VISUAL

TINGKATAN 5

KERTAS 2611/2

MENGGAMBAR

MASA: 3 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan
2. Jawab satu soalan sahaja
3. Anda tidak dibenarkan menggunakan teknik semburan atau kolaj
4. Hasil kerja hendaklah dalam bentuk 2D sahaja.

Kertas ini hendaklah diedarkan kepada calon seminggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan.

Arahan am: Jawab satu soalan sahaja.

1. Di atas sebuah meja kelihatan sebuah jug, satu set cawan serta sepinggan kueh mueh tradisional.
Gambarkan suasana ini dari jarak dekat dengan menekankan aspek cahaya, bentuk, jalinan dan ruang.
2. Pemandangan di sebuah taman rekreasi yang dipenuhi dengan tumbuhan hiasan yang cantik dan berwarna warni. Kelihatan juga sebuah titian kecil yang merintanggi sebuah anak sungai yang airnya mengalir jernih.

Gambarkan suasana yang menyegarkan ini dengan menekankan aspek ruang, bentuk, warna dan jalinan.

3. Di dalam sebuah laci, kelihatan beberapa alat tulis sedang menari-nari menyambut pesta hari jadi.
Gambarkan aksi-aksi alat tulis tersebut dari jarak dekat dengan menekankan aspek jalinan, bentuk dan ruang.
4. Di suatu kawasan sekolah anda, kelihatan beberapa orang murid sedang belajar dalam kumpulan.
Gambarkan dari jarak dekat suasana tersebut yang berlatarbelakangkan persekitaran sekolah dengan menekankan aspek ruang, bentuk dan jalinan.
5. Suasana indah disebuah perkampungan nelayan tradisional. Kelihatan sebuah sampan lama terdampar ditepi pantai dan pepohon kelapa yang ditiup angin.
Gambarkan suasana yang permai itu dengan menekankan aspek ruang, bentuk dan jalinan.
6. Anda sedang menonton televisyen rancangan “Nasional Geography” berkenaan dengan burung-burung di Malaysia.
Gambarkan dari jarak dekat suasana hidupan tersebut dengan menekankan aspek bentuk dan jalinan.

KERTAS SOALAN TAMAT